

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Second Semester Examination  
Academic Session 2006/2007

April 2007

**RDB 314 – Pengurusan Rekabentuk  
(Design Management)**

Masa: 3 jam  
(Duration: 3 hours)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

*Please check that this examination paper consists of **SIX** printed pages before you begin the examination.*

Jawab **EMPAT** soalan sahaja. Jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN A** dan **DUA** soalan dari **BAHAGIAN B**.

*Answer **FOUR** questions only. Answer **ALL** questions from **SECTION A** and **TWO** questions from **SECTION B**.*

....2/-

- 2 -

**Bahagian A (Jawab SEMUA soalan)**  
**Section A (Answer ALL questions)**

1. Sebuah firma antarabangsa dari Jepun ingin memasarkan produk sabun mandian bayi di Malaysia melalui projek kerjasama dengan sebuah firma tempatan iaitu Adikku Sdn. Bhd. Dalam projek ini kedua-dua firma bercadang menembusi pasaran produk sabun mandian bayi sedia ada di Malaysia. Selaku pengurus reka bentuk, anda diminta membincangkan perkara berikut untuk pertimbangan rakan kongsi anda di Jepun.
  - (a) Situasi produk sedia ada dan pasaran sedia ada dari aspek Matrik Peluang.
  - (b) Strategi proaktif bagi menghasilkan produk tersebut.
  - (c) Keberkesanan konsep '*sequential development*' dalam proses membangunkan reka bentuk produk tersebut.
  - (d) Langkah-langkah bagi memastikan status produk mandian bayi tersebut tidak statik.

*An international firm from Japan is marketing its baby soap products in Malaysia through a joint-venture project with the local firm Adikku Sdn. Bhd. Both firms have decided to penetrate the local market in selling the baby soaps. As a design manager, you are asked to discuss the following matters with the Japanese partners for consideration.*

- (a) *The current product status and the current market from the opportunity matrix perspective.*
- (b) *The proactive strategy to produce the product.*
- (c) *The effectiveness of the 'sequential development' concept in the product development process.*
- (d) *The steps taken to ensure the product status of the baby soaps to be nonstatic.*

(25 markah/marks)

...3/-

2. Produk baru biasanya melalui proses modifikasi terhasil dari komen atau pandangan pihak pengguna. Kepekaan terhadap pasaran semasa amat penting dalam menentukan kejayaan sesuatu produk baru. Hurai dan berikan contoh berikut :-
- (a) Lima faktor yang menyebabkan sesuatu produk baru terhasil.
  - (b) Sikap 'defensive' dalam strategi firma yang reaktif.
  - (c) Tiga kepentingan mengetahui status produk.

*New products will always undergo modification resulted from users' comments. The sensitivity towards current market is crucial in determining the success of the new product. Explain with examples of the following:-*

- (a) *Five factors of the emerging of new products.*
- (b) *The defensive attitude in the reactive strategy of the firm.*
- (c) *Three important points in knowing the product status.*

(25 markah/marks)

**Bahagian B (Jawab DUA soalan sahaja)**

3. *"Anyone can become angry, that is easy. But to be angry with the right person, to the right degree, at the right time, for the right purpose, and in the right way, this is not easy", adalah ungkapan dari Aristotle yang berkait rapat dengan kepintaran emosi.*
- (a) Berikan definisi Kepintaran Emosi.
  - (b) Huraikan perkaitan antara kepintaran emosi dan peranannya dalam konflik kerja-keluarga.

*"Anyone can become angry, that is easy. But to be angry with the right person, to the right degree, at the right time, for the right purpose, and in the right way, this is not easy", was Aristotle's quotation which closely link with emotional intelligence".*

- (a) *Define Emotional intelligence.*
- (b) *Explain the relationship between emotional intelligence and its usefulness in work-family conflict.*

(25 markah/marks)

- 4 -

4. Pembangunan reka bentuk produk adalah suatu proses yang menukarkan sesuatu spesifikasi pasaran permulaan kepada konsep reka bentuk sebelum mengilangkan produk baru. Hurai dan berikan contoh berikut:
- (a) Penjanaan idea iaitu 'brain storming', 'brain writing' dan 'think tank'.
  - (b) Pembangunan helical. (Helical Development).
  - (c) Pembangunan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam industri makanan.

*Product development is a process which changes an early market specification to design concept before new production is carried out. Explain and give examples of the following:-*

- (a) *Idea development that is brainstorming', brain writing and think tank.*
- (b) *Helical development.*
- (c) *Research and Development in food industry.*

(25 markah/marks)

5. Selama 2 tahun di Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan anda telah menjurus kebidang yang memerlukan kreativiti dalam hampir kesemua tugas. Kreativiti adalah satu aset yang bernilai jika ia dimiliki oleh individu atau diterapkan dalam pengurusan sesebuah firma. Anda diminta menjelaskan akan keadaan sebaliknya. Jelaskan ciri-ciri seseorang individu tidak kreatif dan pengurusan yang tidak kreatif. Terangkan juga kesannya kepada prestasi keseluruhan sesebuah firma yang tidak menjadikan kreativiti sebagai salah satu ciri utama untuk berdaya saing.

*Since 2 years in the School of Housing, Building and Planning, you have been involved in a creative environment which obviously needs your creativity in almost all projects and assignments. Creativity is a very valuable asset if acquired by individuals or is part of the management strategy in firms. You are required to state the opposite. Explain the criteria of uncreative individuals and the uncreative management. Explain the effect to the overall performance of firms which does not include creativity as the primary criteria in competitive edge.*

(25 markah/marks)

...5/-

- 5 -

6. Penurunan dan kenaikan nilai produk dalam pasaran agak sukar untuk dijangka. Seorang ahli pemasaran perlu mahir dalam membuat jangkaan.
- (a) Apabila jualan dalam pasaran menurun, firma mempunyai beberapa pilihan untuk diambil tindakan. Berikan **TIGA (3)** pemilihan yang sesuai.
  - (b) Permintaan kepada produk bergantung kepada **TIGA (3)** faktor. Jelaskan ketiga-tiga faktor tersebut.
  - (c) Sesuatu produk berjenama seperti Microsoft mempunyai peluang untuk pembangunan berterusan. Ia melalui penambahbaikan berterusan, pengiklanan serta mempunyai pengikut/peminat yang setia. Penambahan strategi akan menambahkan hayat produk sebelum ia memasuki fasa penurunan. Apakah strategi yang boleh diambil untuk menambahkan kitar hayat produk?

*The rise and fall of product value in the market is quite unpredictable. A marketing person must be competent in making such prediction.*

- (a) *As sales decline, the firm has several options to take. Give **THREE (3)** options that the firm could take.*
- (b) *The product demands depend on three factors. Explain the **THREE (3)** factors.*
- (c) *A branded goods such as Microsoft, enjoys continuous growth. It is being constantly improved, advertised while maintaining a strong brand loyalty. Extension strategies assist in extending the life of the product before it goes in the decline phase. Explain what are the strategies?*

(25 markah/marks)

- 6 -

7. Kegagalan memahami faktor yang menyumbang kepada kegagalan produk akan menyebabkan sesetengah produk menghadapi kitar hayat yang pendek.
- (a) Berikan definisi 'Kegagalan Produk'.
  - (b) Huraikan **DUA (2)** faktor yang menyumbang kepada kegagalan produk.
  - (c) Berikan **DUA (2)** contoh kegagalan produk dan huraikan kenapa ia gagal. Penerangan anda perlu disokong dengan lakaran-lakaran yang sesuai.

*Failure to understand the factor that contributes to product failure will shorten the life cycle of some products.*

- (a) *What is the definition of 'Product Failure'.*
- (b) *Describe **TWO (2)** main factors that contribute to product failure.*
- (c) *Give **TWO (2)** examples of product failure and describe why such products failed. Explanations should include suitable sketches.*

(25 markah/marks)

- 000 O 000 -